

KEBERKESANAN PENGGUNAAN JADUAL KEMAJUAN KERJA  
TERHADAP KEMAJUAN KERJA SEBENAR DALAM  
INDUSTRI PEMBINAAN

NUR ADILA BINTI ABU BAKAR

Penulisan laporan adalah untuk  
Memenuhi keperluan bagi penganugerahan  
Ijazah Sarjana Muda Jurukur Bahan

Fakulti Alam Bina  
Universiti Teknologi Malaysia

APRIL 2010

## **ABSTRAK**

Jadual kemajuan kerja adalah bahan rujukan yang digunakan dalam industri pembinaan di Malaysia sebagai alat untuk mengukur kemajuan kerja sebenar sama ada seperti yang di rancang atau tidak mengikuti jadual kemajuan kerja. Untuk menghasilkan jadual kemajuan kerja itu sendiri pelbagai kaedah dan perisian boleh digunakan. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk mencapai dua objektif iaitu objektif pertama adalah untuk mengkaji kaedah lazim penjadualan kerja yang digunakan dalam pengawalan projek pembinaan dalam industri pembinaan di Malaysia dan objektif keduanya adalah untuk mengkaji keberkesanan penggunaan jadual kemajuan kerja terhadap kemajuan kerja sebenar projek pembinaan. Penyelidikan ini dijalankan adalah disebabkan timbulnya beberapa isu dalam industri pembinaan berkaitan jadual kemajuan kerja antaranya kontraktor tidak mempunyai masa yang cukup untuk merancang dan membuat penjadualan kerja selepas kontraktor tersebut dipilih untuk sesuatu projek akibat kelalaiannya sendiri, ini menyebabkan perancangan yang dibuat tidak terperinci dan perjalanan kerja kurang jelas. Selain itu, kontraktor dikatakan tidak berdisiplin dalam mengawal jadual kemajuan kerja dan penjadual juga dikatakan lemah dan tidak dilatih dalam membuat penjadualan kerja menggunakan kaedah yang betul.

## **ABSTRACT**

Work progress schedule is often use as references and tools to control work progress in construction industry in Malaysia. By using this schedule, actual work progress will be measured to see whether the works are as scheduled. To develop work progress schedule itself, many method and software will be used but we do not know what are the common methods was used by scheduler. Because of that, a research has been done in order to achieve two objectives. Firstly to investigate the common method used in construction industry to control work progress scheduled in Malaysia and the second objective is to define the effectiveness of using work progress schedule as compared to actual work progress in construction industry. This research was done because of the issues in using and preparing work progress such as the contractors having insufficient time to plan and schedule the work after the contract awarded. It may be highlighted here that the scheduler lack of scheduling skill and untrained scheduling practitioners are the reason for the problems.